

Peluang sambung peringkat sarjana, PhD

Pusat Pengajian Siswazah Unisza anjur PPS Week

KUALA TERENGGANU - Pusat Pengajian Siswazah (PPS) Universiti Sultan Zainal Abidin (Unisza) mewawarkan peluang menyambung pengajian di peringkat pasca-siswazah kepada semua lapisan masyarakat.

Peluang jujung kali itu sempena pengajuran program PPS Week 2015 yang akan diadakan di Kampus Gong Badak bermula 17 hingga 20 Mei ini.

Program empat hari itu akan dirasmikan Menteri Besar, Datuk Seri Ahmad Razif Abdul Rahman pada 17 Mei, di Dewan Perdana, Unisza Kampus Gong Badak.

Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) Unisza, Profesor Dr Mahadzirah Mohamad berkata, bakal pelajar yang bermintat melanjutkan pengajian di peringkat Sarjana dan PhD boleh terus memohon secara online di gerai fakulti

atau institut penyelidikan berkaitan yang sesuai dengan bidang pengajian masing-masing.

"Bakal pelajar perlu membawa salinan ijazah yang disahkan. Bagi calon yang berjaya, surat tawaran kemasukan akan terus dikeluarkan pada masa itu juga."

"Paling menarik, sepanjang PPS Week ini bayaran bagi proses permohonan sebanyak RM25 dimansuhkan sesuai dengan Unisza sebagai universiti komuniti.

"Calon yang mempunyai pengalaman kerja sekurang-kurangnya lima tahun dalam bidang berkaitan tetapi mempunyai CGPA kurang daripada kelayakan minimum, bo-

leh dipertimbangkan untuk kemasukan ke program Sarjana secara penyelidikan atau kerja kursus," katanya.

Jelasnya, program MBA secara kerja kursus juga akan ditawarkan mulai Jun 2015.

Sementara itu, Dekan Pusat Pengajian Siswazah Unisza, Profesor Dr Mustafa Mamat berkata, mereka yang berminat diharap tidak melepaskan peluang keemasan ini dan dijemput datang berama-rama ke program selama empat hari itu, yang akan disertai 10 fakulti dan tiga institut penyelidikan.

Antara yang terlibat ialah Fakulti Informatik dan Komputeran; Fakulti Pertanian dan Bioteknologi; Fakulti Pengajian Kontemporari Islam; Fakulti Pengurusan Perniagaan dan Perakaunan; Fakulti Undang-Undang dan Hubungan Antarabangsa; Fakulti Bahasa dan Komunikasi; Fakulti Reka Bentuk, Inovatif dan Teknologi; Fakulti Sains Sosial Gunaan serta Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan.

Selain itu, institut penyelidikan yang akan mengambil bahagian ialah Institut Penyelidikan Alam Sekitar Pantai Timur (Eseri), Institut Penyelidikan Produk dan Ketamaduan Islam (Inspire) dan Institut Pembangunan Komuniti dan Kualiti Hidup (i-Code).



PROFESOR DR MAHADZIRAH

INFO

Syarat kemasukan ke Program Siswazah Unisza:

Bagi Program Sarjana

- CGPA 2.75 ke atas
- CGPA 2.50 hingga 2.75 - tiga tahun pengalaman kerja dalam bidang berkaitan
- CGPA kurang 2.50 - Sekurang-kurangnya lima tahun pengalaman kerja dalam bidang berkaitan

Catatan: Bagi kemasukan ke program Sarjana Undang-Undang, kelayakan minimum ialah CGPA 3.0

Bagi Program PhD

- Mempunyai ijazah Sarjana yang diiktiraf oleh Senat Unisza



Calon untuk program PhD diberi taklimat sebaik sahaja selesai membuat pendaftaran di Unisza.

PERMOHONAN TERBUKA PROGRAM PENGAJIAN SISWAZAH



Pusat Pengajian Siswazah (PPS), Universiti Sultan Zainal Abidin (Unisza) mempelawa calon yang memenuhi syarat untuk memohon kemasukan ke program pengajian siswazah di fakulti berikut:

- | | |
|----------|---|
| 1 | FAKULTI PENGAJIAN KONTEMPORARI ISLAM |
| 2 | FAKULTI PENGURUSAN PERNIAGAAN DAN PERAKAUNAN |
| 3 | FAKULTI UNDANG-UNDANG DAN HUBUNGAN ANTARABANGSA |
| 4 | FAKULTI BAHASA DAN KOMUNIKASI |
| 5 | FAKULTI REKABENTUK, INOVATIF DAN TEKNOLOGI |
| 6 | FAKULTI INFORMATIK DAN KOMPUTERAN |
| 7 | FAKULTI PERTANIAN DAN BIOTEKNOLOGI |
| 8 | FAKULTI SAINS SOSIAL GUNAAN |
| 9 | FAKULTI PERUBATAN DAN SAINS KESIHATAN |

BIDANG PENGAJIAN

- Mod penyelidikan:
- Sarjana • PhD
- Mod kerja kursus:
- MBA (Kemasukan Jun 2015)

MAKLUMAT LANJUT

Sila layari laman web
www.pps.unisza.edu.my

MINGGU PENGAJIAN SISWAZAH "PPS WEEK 2015"

17 – 20 MEI 2015 (9.00 pagi – 5.00 petang)
Dewan Perdana, Unisza, Kampus Gong Badak

Permohonan di proses dan surat tawaran akan dikeluarkan pada hari yang sama. Yuran proses dikecualikan.

Semua dijemput hadir ke Minggu Pengajian Siswazah untuk memohon kemasukan ke program pengajian siswazah. Sila bawa bersama dokumen asal dan salinan sijil dan transkrip akademik.

Untuk keterangan lebih lanjut, sila hubungi:
Bagi program Sarjana dan PhD secara penyelidikan:
Prof. Madya Dr. Rohailizan Baru (09-668 8097) atau Dr. Nadhirah Nordin (09-668 8199)

Bagi program MBA:
Prof. Dr. Izah binti Mohd Tahir (09-668 8215)
Dekan Fakulti Pengurusan Perniagaan dan Perakaunan
Email: pps@unisza.edu.my

www.pps.unisza.edu.my